

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS 2015,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali (Sipitang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah pusat jagaan kanak-kanak atau taman asuhan kanak-kanak (TASKA) yang dikenakan tindakan kerana gagal mematuhi garis panduan serta mekanisme yang ditetapkan, susulan banyak kes penderaan dan kematian di pusat-pusat seumpamanya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1994 bagi memastikan pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan.

Mulai Januari hingga Ogos 2015, sebanyak 11 buah TASKA telah dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana gagal mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 dan Peraturan-Peraturan TASKA 2012.

Manakala bagi pusat jagaan kanak-kanak pula, sebanyak 5 buah pusat jagaan kanak-kanak telah dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana gagal mematuhi Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan Pusat Jagaan 1995.